

28/11/1998

Pemimpin Amerika perancang kejahatan

Ahmad Zabidy Ab Hadi

PADA malam 17 November, Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore terang-terangan mengecam sistem demokrasi dan pucuk pimpinan negara kita.

Pendirian sebegitu tidaklah aneh kalau kita melihat diri mereka sebagai bangsa-bangsa penjajah yang sentiasa menjadi mangsa penindas manusia sejagat.

Beliau memang menyokong gerakan reformasi atau apa-apa gerakan menentang kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin yang dirasakan menggugat rancangan ekonomi, politik dan kepentingan kekuasaannya.

Dari segi falsafah, manusia yang sentiasa menyekat dan membenci keadilan dan kebenaran serta mengongkang kreatif insan lain diistilahkan sebagai 'syaitan' dan 'dajal'. Dari sejarah dan perubahan perkembangan tamadun manusia yang banyak diceritakan dalam al-Quran, kita boleh kelaskannya sebagai musyrik, munafik dan fasiq.

Dalam konteks ini, dasar AS-Inggeris, mutakhirnya disuarakan oleh Gore dan Setiausaha Negara AS, Madeleine Albright. Kita boleh sahkan bahawa mereka adalah golongan yang digambarkan dalam al-Quran itu sebagai perancang kejahatan.

Siapakah yang menyokong ketidakadilan di Palestin? Siapakah peneraju Israel? Siapa punca kekacauan di Libya, Sudan dan negara Afrika lain? Di Bosnia-Herzegovina, Albania, Kosovo dan siapakah penyokong Serbia? Siapakah yang menyekat rakyat Iraq mendapat bekalan ekonomi hingga kini? Siapakah kepala kejahatan ini? Siapakah pula yang mengecam Muamar Gaddafi, Saddam Husain, Alijah Izetbegovic dan pemimpin yang dipilih oleh rakyat secara sah? Tidak lain iaitu AS-Inggeris.

Parti pembangkang wajar menyebarkan kezaliman golongan AS-Inggeris kepada semua lapisan rakyat secara betul dan bersungguh-sungguh, perlu bersifat talam dua muka. Dulu mereka mengecam Israel kerana menyertai kriket, pada masa yang sama menyokong Gore dan Albright, kerana apa?